

PENGGUNAAN MAZHAB SELAIN SYAFI'I DALAM FATWA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Abdul Qayyuum Aminnuddin¹
Mohd Anuar Ramli²



ABSTRACT

Negara Brunei Darussalam is known as a country that strongly adhere and follow the Syafi'ite School of Islamic law (madhhab). Both in daily practice of its Islamic society as well as in the Islamic legal pronouncements (fatwa) that have been issued. Hence, this study aims to demonstrate the existence of opinion from madhhabs other than the Syafi'ite in the justifications of the State Mufti of Brunei for issuing fatwa. Therefore, library research was conducted to gather suitable fatwas, while content analysis method was performed to identify fatwas that comprised the opinion of madhhabs other than the Syafi'ite. As a result of this study, those opinions that were brought up in the fatwas are caused by several factors. Namely to show the similarities and differences of opinion between those madhhab and the Syafi'ite, to meet the demand of the one seeking fatwa (*al-mustafti*) and when the State Mufti was giving guidance (*irsyad*) at the end of his fatwa.

Keywords: Madhhab, Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hanbali, Fatwa, Brunei.

¹ Pelajar Pasca Siswazah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail: queameen@gmail.com.

² Pensyarah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail: mohdanuar@um.edu.my.

ABSTRAK

Negara Brunei Darussalam dikenali dengan negara yang berpegang kuat dengan mazhab Syafi'i sama ada dalam amalan sehari-hari masyarakat Islamnya maupun dalam keputusan-keputusan fatwa yang dikeluarkan. Justeru kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan kewujudan pendapat mazhab selain Syafi'i dalam hujah-hujah Mufti Kerajaan Brunei bagi mengeluarkan fatwa. Kaedah perpustakaan dijalankan untuk mengumpul fatwa yang dikaji dan kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti fatwa yang terdapat di dalamnya pendapat dari luar mazhab Syafi'i. Hasil kajian mendapati pendapat-pendapat mazhab selain Syafi'i yang dikemukakan dalam fatwa-fatwa tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu bagi menunjukkan persamaan dan perbezaan pendapat, bagi memenuhi permintaan orang yang bertanya dan apabila Mufti Kerajaan Brunei mengemukakan irsyad di hujung teks fatwanya.

Kata kunci: Mazhab, Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hanbali, Fatwa, Brunei.

PENGENALAN

Menurut sejarah, Islam telah memasuki Negara Brunei Darussalam (NBD) sekitar abad ke-10 Masihi. Namun hanya dalam zaman kesultanan Awang Alak Betatar, Islam mula giat berkembang setelah baginda sultan memeluk agama Islam dan dikenali dengan nama Sultan Muhammad Shah dalam abad ke-14 Masihi. Secara umumnya, NBD dikenali sebagai sebuah negara yang mempertahankan ciri-ciri kesultanan, kemelayuan dan keislamannya. Antara ciri-ciri keislaman yang masih kukuh bertapak di NBD ialah pegangan akidah *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah* (ASWJ) dan amalan masyarakat Islamnya dengan fiqh mazhab Syafi'i (Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad, 2012).

Mazhab Syafi'i merupakan mazhab yang dominan diikuti oleh masyarakat NBD. Ia adalah salah satu daripada empat mazhab yang diiktiraf dalam aliran ASWJ dan yang paling berpengaruh dalam sejarah Islam hingga sekarang. Mazhab tersebut dipelopori oleh Muhammad bin Idris bin Abbas bin Uthman bin Syafi'i yang dilahirkan pada tahun 150 Hijrah dikenali dengan nama gelaran Imam Syafi'i (Tarikuddin, 2009).

Pegangan bermazhab itu bukanlah suatu fenomena baharu di NBD dan keterikatannya juga dapat dilihat dalam perundungan dan keputusan-keputusan fatwa yang telah dikeluarkan. Justeru di sebalik pengaruh mazhab Syafi'i yang kuat di NBD, kajian ini akan cuba merungkai penggunaan pendapat-pendapat daripada mazhab selain Syafi'i khususnya dalam hujah-hujah bagi mengeluarkan fatwa.

PEGANGAN MAZHAB DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, agama Islam mula berkembang dengan lebih signifikan yang dapat dilihat daripada usaha-usaha kerajaan menerima dasar-dasar hukum syarak sebagai cara hidup yang sempurna secara lebih bersistematik (Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, 1992).

Islam dijadikan sebagai agama rasmi negara secara perundangannya ketika upacara pengisytiharan perlombagaan NBD pada 29 September 1959. Ciri-ciri Islam dalam perlombagaan tersebut dikhurasukan terhadap ajaran-ajaran menurut ASWJ mengikut mazhab Syafi'i (Perlombagaan Negara Brunei Darussalam, 1959; Haji Sulaiman, 1995).

Keterikatan dalam ketetapan undang-undang tersebut diperkuatkan lagi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ketika pemasyhuran kemerdekaan NBD pada 1 Januari 1984 seperti dalam petikan titah berikut (Pusat Da'wah Islamiah, 1996):

“Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah SWT, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Wal Jamaah dan dengan berdasarkan keadilan dan amanah dan kebebasan.”

Pemilihan pegawai-pegawai utama yang dilantik dalam kerajaan juga disyaratkan agar terdiri dalam kalangan orang yang beragama Islam dengan pegangan akidah ASWJ menurut mazhab Syafi'i seperti dalam petikan berikut (Perlombagaan Negara Brunei Darussalam, 1959):

“(5) Lantikan Menteri dan Timbalan Menteri hendaklah dibuat dalam kalangan bangsa Melayu yang beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut Mazhab Shafi’i, melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memutuskan sebaliknya.”

Masyarakat Islam di NBD sememangnya sudah mula diajarkan fiqh mazhab Syafi’i oleh para alim dan guru agama sejak berabad lamanya secara turun-temurun. Oleh sebab itulah didapati risalah serta kitab-kitab fiqh Syafi’i yang dipercayai pemiliknya berasal dari Brunei ada tersimpan dalam jumlah yang besar di Muzium Brunei dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Antara kitab fiqh dan ibadat dalam mazhab Syafi’i yang terkenal dipelajari oleh orang-orang lama dahulu ialah kitab yang dikarang dalam abad ke-17 Masihi oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri seorang ulama berasal dari Aceh bertajuk *al-Sirat al-Mustaqim* dan kitab karangan Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari dalam abad ke-19 Masihi yang berasal dari Banjar bertajuk *Sabil al-Muhtadin Li al-Tafaqquh fi Amr al-Din* (Pengiran Dato Seri Setia Dr Hajji Mohammad, 2012).

Dalam konteks berfatwa di NBD pula, pendapat muktamad mazhab Syafi’i dijadikan syarat utama dalam membuat keputusan bagi permasalahan-permasalahan yang ditanyakan. Pendapat daif mazhab Syafi’i juga dibolehkan untuk dirujuk apabila pendapat muktamad tersebut tidak sesuai dengan kepentingan awam. Namun sekiranya pendapat-pendapat mazhab Syafi’i sama ada yang muktamad atau daif itu tidak sesuai dan boleh mendatangkan kesusahan masyarakat awam untuk mengikutinya, maka dibolehkan untuk merujuk kepada pendapat mazhab-mazhab lain yang diiktiraf oleh ASWJ seperti yang boleh dilihat dalam petikan berikut (Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, 1984):

“43. (1) Dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini Majlis dan Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah biasanya menurut kaul yang muktamad daripada mazhab Shafie:

Dengan syarat bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut kaul yang muktamad sedemikian akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, kecuali jikalau Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah

Penggunaan Mazhab selain Syafi'i dalam Fatwa

yang sebaliknya, mengikut kaul yang daif daripada mazhab Shaf'i:

Dengan syarat selanjutnya bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut sama ada kaul yang muktamad atau kaul yang daif daripada mazhab Shafie akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, dengan perkenan khas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengikut kaul daripada mana-mana tiga lagi mazhab sebagaimana yang dianggap bersesuaian, tetapi dalam mana-mana fatwa demikian, syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang patut diikut hendaklah dibentangkan dengan keterangan yang penuh dan bersama dengan sebarang penjelasan yang perlu.”

Dengan itu, penentuan aliran mazhab di NBD adalah disebabkan undang-undang negara dan amalan masyarakat Islamnya secara turun-temurun. Pengkhususan agama Islam menurut ASWJ mengikut mazhab Syafi'i dalam perlembagaan NBD dan petikan titah yang telah diungkapkan di atas juga menunjukkan bahawa pengukuhan mazhab Syafi'i dalam kehidupan bernegara amat dititikberatkan. Kesannya boleh dilihat dalam jangka masa yang panjang untuk mewujudkan keseragaman dan keharmonian dalam masyarakat Islam NBD agar tidak berlaku perbezaan ideologi dan perselisihan faham khususnya dalam perkara agama disebabkan berlainan pegangan mazhab. Menurut Pengiran Haji Mohammad (2011), ketetapan sebegini juga mampu menghalang perkembangan ajaran-ajaran sesat dan menyelaweng daripada memasuki sempadan NBD.

PENGGUNAAN MAZHAB SELAIN SYAFI'I DALAM FATWA

Fatwa di NBD dikeluarkan dan diputuskan oleh Mufti Kerajaan Brunei (MKB) melalui Jabatan Mufti Kerajaan yang merupakan satu-satunya institusi fatwa di NBD yang diberi autoriti sepenuhnya untuk menjalankan penyelidikan hukum dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal fatwa. Berdasarkan keputusan-keputusan fatwa yang dikaji, MKB didapati tidak menolak pendapat-pendapat mazhab selain Syafi'i dalam hujah-hujah yang dikemukakan apabila membuat penjelasan hukum permasalahan-permasalahan yang ditanyakan.

PENDAPAT MAZHAB HANAFI

Pada siri fatwa 18/2005 adalah berkenaan hukum wang jualan anjing yang ditanyakan oleh salah satu unit di Kementerian Pertahanan yang memiliki beberapa ekor anjing terlatih yang sudah tua. Mereka berpendapat jika anjing-anjing itu dimusnahkan maka ia menjadi satu kerugian dan tidak berperi kemanusiaan. Oleh itu pihak kementerian bercadang untuk menjualnya kepada orang persendirian yang berminat untuk membelinya (Jabatan Mufti Kerajaan, 2007).

Mengenai hal ini MKB menegaskan hukum jual beli anjing sama ada anjing itu anjing terlatih atau lainnya dan sama ada ia anak anjing atau anjing dewasa adalah tidak harus di sisi mazhab Syafi'i. Begitu jugalah kedudukannya bagi orang yang membunuh anjing tidak dikenakan bayaran ganti rugi nilai anjing yang dibunuhnya (Jabatan Mufti Kerajaan, 2007).

Maka wang jualan anjing tersebut hukumnya haram diterima atau dituntut sebagaimana yang disepakati para ulama mazhab Syafi'i dengan menyatakan bahawa sesuatu yang hendak dijual beli itu hendaklah ia suci daripada segala najis (al-Haytami, 2001). Sekiranya urusan jual beli tersebut diteruskan, maka jual beli itu adalah tidak sah sekalipun ia anjing terlatih yang boleh diambil manfaat darinya (al-Mawardi, 1994; al-Bujayrimi, 1995).

Oleh yang demikian, sebagai jalan penyelesaian dalam perkara ini, MKB memberi irsyad kepada pihak kementerian agar bertaklid kepada mazhab Hanafi (Jabatan Mufti Kerajaan, 2007). Ia adalah kerana para ulama mazhab Hanafi mempunyai pendapat yang berbeza iaitu sah hukumnya jualan setiap binatang buas yang bertaring seperti anjing, harimau bintang, singa, harimau, serigala, kucing dan lain-lain. Semuanya dianggap harta berdasarkan faedah yang dapat diambil daripadanya daripada segi realiti dan harus mengambil manfaat daripadanya dari segi syarak seperti kerja kawalan dan buruan, (al-Zuhayli, 2009).

Pada siri fatwa 25/2005 pula mengenai isu menderma darah kepada orang bukan Islam dan menerima darah daripada orang bukan Islam. MKB menyatakan menderma darah itu hukumnya harus bagi tujuan menyelamatkan nyawa atau menjadikan ubat kepada orang yang memerlukan. Manakala menerima darah daripada orang lain itu juga hukumnya harus dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa atau menyembuhkan penyakit walaupun darah tersebut datangnya daripada

orang bukan Islam yang mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan hukum syarak seperti memakan benda-benda yang haram dan sebagainya apabila tidak ada jalan lain untuk menyelamatkan nyawa orang Islam (Jabatan Mufti Kerajaan, 2007).

Kenyataan tersebut adalah bersandarkan kepada pendapat sebahagian ulama mazhab Syafi'i yang mengharuskan berubat dengan kuku dan tulang bangkai serta benda najis yang lain dengan syarat tidak didapati ubat yang lain daripadanya dan mengambil sekadar keperluan darurat sahaja. Sama ada dengan hanya benda itu semata-mata atau ia bercampur dengan benda lain, melainkan arak kerana tidak harus berubat dengan semata-mata arak kecuali arak tersebut bercampur dengan yang lain maka adalah harus (al-Haytami, 2001).

MKB juga menyatakan bahawa pendapat tersebut juga adalah selari dengan pendapat mazhab Hanafi kerana disisi mazhab Hanafi adalah diharuskan berubat dengan yang haram jika diyakini tentang kesembuhannya akan berlaku sama seperti harusnya memakan bangkai ketika terlalu lapar atau seperti meminum arak ketika sangat dahaga dan menghilangkan suapan yang terlekat di kerongkong. Namun tidak harus jika sebaliknya (al-Kasani, 1996).

Manakala siri fatwa 30/2007 berkenaan jual beli baja yang bercampur najis (Jabatan Mufti Kerajaan, 2009b). MKB menghuraikan pendapat-pendapat ulama mazhab Syafi'i bahawa tidak sah berjual beli benda-benda najis pada zatnya seperti khinzir, anjing dan apa saja yang lahir atau bersumber atau datang daripada keduanya atau salah satu daripada keduanya. Tidak harus juga berjual beli arak, tahi dan apa-apa yang dikatakan najis pada zatnya dan benda-benda *mutanajjis* (yang terkena atau bercampur najis) yang tidak dapat disucikan yang telah bersatu dan menjadi najis pada zatnya (al-Ramli, 2003; al-Nawawi, 2010).

Mengenai baja yang mengandungi najis juga tidak harus diperjualbelikan kerana antara syarat barang jualan yang dibolehkan berjual beli itu hendaklah suci atau boleh disucikan menurut pendapat ulama fiqh mazhab Syafi'i (al-Bakri, 2005). Namun dalam perkara ini iaitu benda najis atau *mutanajjis* yang tidak disucikan itu hanya boleh berpindah tangan yakni melepaskan kuasa atau hak sahaja dengan cara bersedekah, pemberian atau wasiat dan bukannya dengan akad jual beli. Caranya adalah dengan menyebutkan lafaz pengguguran hak dan dibolehkan mengambil 'iwad (ganti-gantian) atas pengguguran hak tersebut (al-Ansari, t.t.; al-Syirwani, 1997).

Seterusnya MKB mengemukakan pendapat daripada mazhab Hanafi bahawa tidak harus berjual beli yang semata-mata najis kerana ia tidak memberi manfaat dan ia tidak dikira sebagai harta melainkan jika najis tersebut bercampur dengan tanah kerana tanah itu merupakan sesuatu yang suci diperjualbelikan dan dianggap sebagai harta. Imam Hanafi juga berpendapat bahawa setiap sesuatu benda halal yang dirosakkan oleh sesuatu yang haram sedang benda yang halal itu lebih mengatasi yang haram maka harus menjualnya. (al-Kasani, 1996)

Justeru dalam hal ini, MKB memutuskan cara membeli atau menjual baja bernajis ialah dengan pengguguran hak dan pengambilan ‘iwad jika ia dalam kuantiti yang kecil berdasarkan pendapat mazhab Syafi‘i. Manakala jika dalam kuantiti yang besar, MKB memberi irsyad agar menggunakan pakai pendapat daripada mazhab Hanafi sebagai jalan penyelesaian masalah yang dihadapi (Jabatan Mufti Kerajaan, 2009b).

Oleh yang demikian, pendapat mazhab Hanafi yang diguna pakai dalam fatwa-fatwa yang telah dihuraikan di atas adalah bertujuan untuk menunjukkan persamaan pendapat dengan mazhab Syafi‘i dan juga sebagai irsyad kepada pihak yang meminta fatwa untuk memberi jalan penyelesaian permasalahan-permasalahan yang ditanyakan daripada pendapat mazhab selain Syafi‘i berdasarkan kesesuaian semasa.

PENDAPAT MAZHAB MALIKI

Pada siri fatwa 01/2005 adalah mengenai hukum memakai baju yang tertera perkataan “Muhammad” dalam tulisan jawi yang mungkin merujuk kepada Nabi Muhammad SAW. MKB menerangkan perkataan “Muhammad” yang ditulis secara tunggal pada kebiasaannya memang merujuk kepada Nabi Muhammad SAW dan tulisan sedemikian tidak sepatutnya diukir di tempat-tempat yang boleh menimbulkan kekeliruan dan dicemari seperti di baju, seluar, kasut dan seumpamanya kerana perbuatan sedemikian boleh menyinggung perasaan orang Islam (Jabatan Mufti Kerajaan, 2007).

Perkataan “Muhammad” merupakan antara kalimat yang disifatkan mulia dalam agama Islam dan tidak sewajarnya diukir pada baju kerana biasanya baju-baju akan turut diletakkan di mana-mana tempat termasuklah di bilik air selepas ia dipakai. Maka jelas perbuatan tersebut merupakan satu bentuk penghinaan kepada Rasulullah SAW

Penggunaan Mazhab selain Syafi'i dalam Fatwa

walaupun ia dibuat secara tidak langsung (Jabatan Mufti Kerajaan, 2007).

Menurut Imam Abu Bakar Ibn al-Mundzir salah seorang ulama mazhab Syafi'i, para ulama telah sepakat menghukumkan kafir terhadap orang-orang yang menghina Allah SWT, Rasul dan Kitab-Nya berdasarkan dalil *qat'iyy* serta hukumannya adalah hukum bunuh dan pendapat mazhab Syafi'i adalah termasuk dalam golongan ini (al-Qurtubi, 1993).

Kemudian MKB juga mengemukakan pendapat yang sama dengan pendapat dalam mazhab Syafi'i daripada ulama mazhab Maliki iaitu al-Qadhi 'Iyadh dan Muhammad ibn Sahnun mengenai perkara ini yang mengatakan kesepakatan ulama tentang menghukumkan kafir ke atas orang-orang yang menghina dan mengejek Rasulullah SAW dan hukumannya adalah bunuh (al-Kasymiri, 2004; al-Yahsubi, 2004).

Pada siri fatwa 02/2008 pula ialah pertanyaan mengenai pandangan Imam Malik tentang muzik. Maka MKB mengemukakan riwayat-riwayat daripada kalangan para ulama mazhab Maliki. Antaranya ialah seperti Imam Ibn Rusyd, Imam Ibn Qasim, Imam Ibn Asbagh, dan Imam Ibn Jawzi berkenaan perkara yang ditanyakan. (Jabatan Mufti Kerajaan, 2010).

Menurut riwayat, Imam Malik sendiri pernah ditanyakan berkenaan menghadiri majlis kahwin yang didapati ada hiburan di dalamnya, dan kemudian beliau menyatakan jika hanya hiburan yang ringan seperti rebana dan gendang maka tidaklah mengapa yakni dibolehkan. Walau bagaimanapun Imam Ibn Rusyd mengatakan maksud "dibolehkan" itu adalah makruh yakni meninggalkannya lebih baik daripada melakukannya kerana meninggalkannya mendapat pahala dan melakukannya tidak berdosa (Ibn Rusyd, 1988).

Imam Ibn Qasim pula menyatakan bahawa Imam Malik tidak menyukai majlis perkahwinan yang mempunyai pukulan rebana dan alat-alat muzik yang bertali dan mengatakan pendapat yang mengharuskannya adalah lemah. Imam Asbagh juga meriwayatkan bahawa Imam Malik pernah berkata tidak menyenangi orang yang menghadiri acara suka ria ketika beliau ditanyakan tentang orang yang menghadiri majlis yang mempunyai hiburan. Beliau juga pernah ditanya mengenai nyanyian yang berlaku di Madinah ketika itu dan menjawab bahawa perkara tersebut hanya dilakukan oleh orang-orang yang fasiq seperti mana yang diriwayatkan Ibn al-Jawzi. (Ibn Rusyd, 1988; al-Asbah, 1991; Ibn al-Jawzi. 1994).

Kemudian di hujung teks fatwa ini, MKB menjelaskan bahawa pendapat Imam Malik itu sama dengan pendapat imam-imam mazhab lain yang mengharamkan alat-alat muzik kecuali rebana (Jabatan Mufti Kerajaan, 2010). Ibn Taymiyyah menolak dakwaan yang mengatakan ada di antara imam-imam yang empat itu mengharuskan peralatan muzik kerana mereka semua telah sepakat tentang pengharaman *al-ma‘azif* yakni alat-alat yang melalaikan, seperti ‘ud (gambus) dan sebagainya. Manakala orang yang merosakkan alat-alat tersebut tidak dikenakan denda berdasarkan kerosakan. Bahkan menurut mereka adalah haram menggunakan (Ibn Taymiyyah, 1998).

Manakala siri fatwa 11/2009 pula mengenai kedudukan orang Islam berwuduk menggunakan mesin wuduk automatik. Mulanya MKB menyatakan maklumat yang diperoleh daripada pihak pengeluar mesin tersebut. Air akan tersebur keluar daripada mesin yang dimaksudkan itu dengan membasuh anggota-anggota wuduk tanpa perlu diratakan atau dibantu oleh tangan yang satu lagi dan anggota-anggota tersebut hanya perlu diletakkan pada bahagian-bahagian yang telah dikhususkan. (Jabatan Mufti Kerajaan, 2012).

Maka berdasarkan maklumat tersebut, MKB menerangkan beberapa perkara yang perlu diperhatikan apabila menggunakan mesin automatik berkenaan. Pertama, air wuduk hendaklah dipastikan betul-betul sampai ke seluruh bahagian anggota yang wajib dikenakan air termasuk bahagian-bahagian yang sukar terkena air seperti celah kuku yang panjang dan bahagian yang diliputi janggut yang nipis apabila membasuh anggota wuduk. Oleh itu, penggunaan tangan atau jari dalam hal ini tetap memainkan peranan yang penting bagi memastikan air sampai ke bahagian yang sukar dikenakan air (Jabatan Mufti Kerajaan, 2012).

Hal yang demikian adalah kerana perbuatan melalukan tangan ke atas anggota-anggota wuduk dengan menggosoknya menggunakan tangan merupakan perkara yang disunatkan dalam mazhab Syafi‘i sebagai langkah berhati-hati serta bagi mencapai kebersihan anggota wuduk (al-Bakri, 2005). Manakala perbuatan tersebut di sisi mazhab Maliki pula adalah wajib bagi tujuan meratakan air (al-Dusuqi, 1998).

Perkara yang kedua pula adalah penggunaan mesin ini akan membuka ruang kepada penggunanya untuk meninggalkan perkara-perkara lain yang disunatkan ketika berwuduk dalam mazhab Syafi‘i kerana perkara-perkara sunat juga perlu dijaga dan tidak boleh diambil

ringan sekalipun tidak wajib dilakukan tetapi ia masih juga sebahagian daripada tuntutan agama (Jabatan Mufti Kerajaan, 2012).

Seperti perkara sunat dilakukan ketika menyapu keseluruhan bahagian kepala termasuklah bahagian dahi dalam mazhab Syafi'i iaitu dengan cara meletakkan perut-perut jari kedua-dua belah tangan di hadapan kepala sambil kedua-dua hujung jari telunjuk bertemu antara satu dengan yang lain. Kedua-dua ibu jari pula diletakkan pada dua bahagian pelipis kepala iaitu kawasan yang terletak di hujung kanan dan kiri dahi antara mata dengan telinga. Kedua-dua jari telunjuk itu digerakkan dari bahagian depan kepala ke belakang dan kemudian dikembalikan semula ke hadapan (al-Bakri, 2005; al-Nawawi, 2010).

Manakala dalam mazhab Maliki pula perbuatan menyapu keseluruhan bahagian kepala adalah wajib. Ia termasuklah juga menyapu lubang tengkuk, kulit di atas dan di belakang kedua telinga serta rambut kedua pelipis (al-Dusuqi, 1998).

Maka di hujung keputusan fatwa ini, MKB mempersoalkan bagaimanakah mesin tersebut dapat memenuhi tuntutan sunat bagi pengguna bermazhab Syafi'i dan perkara wajib bagi pengguna bermazhab Maliki ketika mengambil wuduk sekiranya fungsi-fungsi mesin wuduk automatik itu dikekalkan. Berwuduk bukanlah semata-mata perbuatan untuk membersihkan anggota-anggota wuduk sahaja, bahkan lebih daripada itu kerana ia merupakan satu ibadat yang sedia terdapat di dalamnya perkara-perkara wajib dan sunat untuk dilakukan (Jabatan Mufti Kerajaan, 2012).

Oleh yang demikian, pendapat mazhab Maliki yang ada diguna pakai dalam fatwa-fatwa yang telah dihuraikan di atas adalah bertujuan untuk menunjukkan persamaan pendapat dengan mazhab Syafi'i dan juga perbezaan antara keduanya dalam berhujah. Di samping menggunakan kerana pihak yang meminta fatwa itu menghendaki pandangan Imam Malik secara khusus.

PENDAPAT MAZHAB HANBALI

Pada siri fatwa 29/2004 mengenai orang bukan Islam yang menetap di dalam negara Islam (ahli zimmi) meletakkan rumah tuhan Buddha (tokong) dalam sebuah kilang yang dikongsi bersama oleh orang Islam. MKB menerangkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh orang-orang zimmi dan ia bukanlah disebabkan permusuhan terhadap

orang bukan Islam itu. Namun ia hanyalah semata-mata soal prinsip dan jika dibiarkan mereka melakukan apa sahaja dalam negara Islam, maka akan mendatangkan dosa kepada kerajaan dan orang Islam itu (Jabatan Mufti Kerajaan, 2006).

MKB menjelaskan bahawa meletakkan tokong dalam kilang yang disewa bersama oleh orang Islam dan rakan kongsinya yang bukan Islam itu adalah menyalahi peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak (Jabatan Mufti Kerajaan, 2006). Sebagaimana pendapat-pendapat ulama mazhab Syafi'i bahawa ahli zimmi dilarang untuk menzahirkan perkara-perkara mungkar seperti arak, babi, membaca kitab Taurat dan Injil dengan nyaring, memperlihatkan salib dan lain-lain perkara berhubung dengan agama mereka (al-Syirazi, 1992; al-Imrani, 2000).

Kemudian MKB juga mengemukakan pendapat mazhab Hanbali bagi mengulas dengan lebih lanjut dalam perkara ini sekali gus menunjukkan persamaan dengan pendapat dalam mazhab Syafi'i. Imam Ahmad bin Hanbal berpendapat hukumnya wajib ke atas pemerintah Islam untuk menegah ahli zimmah tersebut dari mengangkat salib mereka, memperlihatkan babi, mengangkat api dan memperlihatkan arak. Memperlihatkan salib itu sama kedudukannya dengan memperlihatkan patung-patung kerana salib itu disembah oleh orang Nasrani seperti juga patung-patung disembah oleh penyembah-penyembahnya. Inilah sebabnya dinamakan mereka itu penyembah-penyembah salib. Tidak boleh membuat salib di pintu-pintu gereja mereka dan di luar dinding tembok gereja-gereja itu. Akan tetapi tidak dihalang jika mereka mengukir salib di dalamnya (Ibn Qayyim, 2002).

Pada siri fatwa 10/2006 pula pertanyaan mengenai sejadah yang mempunyai lukisan *Lafz al-Jalalah*. MKB menjelaskan bahawa orang Islam wajib menjaga dan memelihara serta menghormati nama-nama yang mulia dalam Islam agar tidak dicemari (Jabatan Mufti Kerajaan, 2009a). Berdasarkan pendapat mazhab Syafi'i yang dikemukakan dalam perkara ini, orang Islam yang sengaja mempersendakan atau menghina sesuatu yang dipandang mulia dalam Islam sama ada dengan perkataan atau perbuatan boleh menyebabkan orang berkenaan menjadi murtad seperti mempermainkan agama secara terang-terangan, menentang dan mengingkarinya seperti mencampakkan mushaf al-Quran atau sesuatu yang ada padanya kandungan al-Quran sekalipun hanya sekadar nama-nama mulia atau nama-nama daripada hadis (al-Ramli, 2003).

Sebagaimana juga perbuatan meletakkan ayat-ayat atau tulisan yang agung dan mulia dalam Islam di tempat yang kotor dan jijik juga dikira menghina dan merendah-rendahkan agama Islam yang boleh menyebabkan seseorang itu murtad (al-Ramli, 2003). Sementara itu pendapat mazhab Hanbali juga menyatakan perkara yang sama dengan pendapat mazhab Syafi'i yang menghukumkan perbuatan mempersendakan Allah, ayat-ayat-Nya dan rasul-Nya itu sebagai perbuatan kufur yang menjadikan seseorang yang beriman itu menjadi kafir (al-Masy'abi, 1997).

Manakala siri fatwa 05/2008 pula mengenai hukum mewarnakan rambut dengan benda selain daripada inai seperti pewarna yang ada di pasaran kini yang diperbuat daripada tumbuhan dan ada juga yang diperbuat daripada bahan kimia yang menghalangi air daripada sampai ke rambut. MKB menjelaskan perkara-perkara yang ada kaitannya dengan permasalahan ini bersandarkan hadis-hadis sahih dan pendapat-pendapat ulama mazhab Syafi'i mengenai kedudukan mewarnakan rambut dalam Islam, larangan mewarnai rambut dengan warna hitam, pewarna rambut yang dijual di pasaran, kedudukan seorang isteri yang menginai rambutnya dan sifat pewarna rambut itu sendiri (Jabatan Mufti Kerajaan, 2010).

Hukumnya sunat mewarnakan rambut dan janggut yang beruban dengan warna kekuningan atau kemerahan sebagaimana yang disepakati para *ashab* dalam mazhab Syafi'i. Namun ia adalah perbuatan yang tercela jika menggunakan warna hitam dan hukumnya adalah haram menurut pendapat yang sahih melainkan ke atas orang-orang yang berjihad (al-Nawawi, 1994; al-Nawawi, 2010).

Perbuatan meniru gaya dan fesyen orang kafir kerana mewarnakan rambut dengan bahan, bentuk atau gaya yang tidak ada dalam akhlak Islam adalah semua itu dilarang dan hukumnya haram sekalipun pewarna itu suci tanpa bahan najis. Dalam mengulas perkara ini, MKB menyertakan pendapat dari mazhab Hanbali yang menyatakan bahawa menyerupai orang kafir daripada sudut penampilan luaran itu merupakan suatu jalan ke arah menyetujui maksud dan perbuatan mereka serta menganggap perkara itu perkara baik kerana perbuatan menyerupai itu amatlah ditegah, demi menjaga iman dan akidah umat Islam daripada terjebak kepada perkara yang boleh membawa kufur (Ibn Qayyim, 2002).

Oleh yang demikian, pendapat mazhab Hanbali yang ada diguna pakai dalam fatwa-fatwa yang telah dihuraikan di atas adalah bertujuan untuk menunjukkan persamaan pendapat dengan mazhab Syafi'i apabila menghuraikan perkara-perkara yang ditanyakan dengan lebih lanjut agar mudah difahami.

PENDAPAT MAZHAB ZAHIRI

Pada siri fatwa 16/2003 mengenai isu rokok dan merokok yang ditanyakan bagi mencegah berlakunya masalah kanser paru-paru secara meluas khususnya di NBD dan secara tidak langsung dapat mengurangkan dan menjimatkan kos tinggi yang ditanggung oleh Kerajaan untuk merawat pesakit-pesakit yang menghidapi kanser paru-paru yang disebabkan oleh merokok. MKB memulakan penjelasannya dengan menyatakan usaha membanteras perkara rokok itu sedang giat berjalan di mana-mana dan perbincangan serta kajianya juga dijalankan terus-menerus berdasarkan semua aspek untuk mencari hukum yang sesuai, sama ada dihukumkan makruh sahaja ataupun haram. Kempen berhenti dan anti merokok juga sering kali diadakan berdasarkan kajian-kajian pakar sains kesihatan yang menyatakan bahayanya merokok untuk kesihatan dan nyawa (Jabatan Mufti Kerajaan, 2004).

Kesihatan pula sememangnya memainkan peranan yang amat penting untuk membolehkan seseorang melakukan kewajipan asasi sebagai orang Islam dengan sempurna seperti beribadat kepada Allah SWT, menuaikan solat fardu lima waktu, berpuasa wajib pada bulan Ramadan dan sebagainya. Oleh sebab itulah menjadi tanggungjawab seseorang untuk menjaga kesihatan dirinya sebagaimana yang terdapat dalam nas dengan menghindari diri daripada semua perkara yang boleh mendatangkan mudarat kepada akal dan tubuh badan serta melarang melakukan perbuatan dengan berlebih-lebihan. Penjagaan harta juga dititikberatkan kerana pembaziran dan pemborosan merupakan sesuatu yang ditegah dalam Islam. Justeru, rokok atau merokok itu tidak syak lagi menjelaskan kesihatan dan suatu perbuatan yang lebih kepada pembaziran. Para ulama telah pun berijtihad bagi menentukan hukum merokok dan perkara-perkara yang ada hubung kaitnya kerana banyak tulisan dan buku yang membincangkan mengenainya. Golongan ulama

juga berbeza pendapat dalam perkara ini disebabkan ketiadaan nas yang khusus mengenai rokok. Ada yang mengharuskannya, ada yang menghukumkannya makruh dan ada juga yang mengatakan haram (Jabatan Mufti Kerajaan, 2004).

Menurut Imam Syafi'i, segala jenis benda yang mengandungi racun yang boleh membunuh itu adalah haram kerana Allah SWT mengharamkan manusia membunuh diri. Begitu juga dengan benda yang keji dan kotor diharamkan kerana kekotorannya termasuklah juga segala jenis najis (al-Syafi'i, 2002). Walaupun pendapat Imam Syafi'i ini tidak merujuk khusus kepada rokok dan merokok, namun sebagaimana diketahui umum bahawa rokok itu termasuk di dalam kategori racun. Ulama masa kini yang bermazhab Syafi'i seperti Syeikh Dr Yusuf al-Qardhawi juga berpendapat bahawa rokok dan merokok itu haram di samping menolak segala alasan daripada pihak-pihak yang memakruhkan dan mengharuskannya (al-Qardhawi, 2003).

Dalam mengulas pendapat-pendapat golongan yang mengharamkan rokok itu, MKB juga mengemukakan pendapat daripada mazhab Zahiri. Imam Ibn Hazm mengharamkan semua perkara yang mengakibatkan bahaya berdasarkan maksud zahir daripada nas al-Quran yang menegah manusia untuk membunuh diri sendiri dan nas daripada hadis yang melarang untuk mencipta bahaya dan membalaunya dengan bahaya serta kewajipan melakukan kebaikan iaitu perbuatan membahayakan diri sendiri atau orang lain itu bererti tidak membuat kebaikan (Ibn Hazm, t.t.).

Selain mudarat yang diperoleh daripada rokok, merokok juga merupakan perbuatan yang boros dan membazir. Dengan itu, Imam Ibn Hazm juga menyatakan bahawa pemborosan adalah haram (Ibn Hazm, t.t.). Pemborosan yang dimaksudkan itu adalah dengan membelanjakan wang untuk perkara-perkara yang diharamkan Allah SWT walaupun sedikit, melakukan pembaziran sama ada yang tidak ada keperluannya atau tidak diperlukan dan juga membuang-buang wang walaupun dalam jumlah yang kecil sekalipun kerana membuang dengan tidak ada tujuan itu menjadikannya sia-sia. Maka menggunakan wang untuk membeli rokok itu sama erti dengan membuang harta dengan sia-sia tanpa tujuan (Jabatan Mufti Kerajaan, 2004).

Oleh yang demikian, pendapat mazhab Zahiri yang disertakan dalam penerangan MKB mengenai isu ini bertujuan bagi menunjukkan persamaan pendapat dalam hujah-hujah golongan yang mengharamkan

rokok yang juga sama pendapat dengan mazhab Syafi'i di samping untuk tujuan memperluaskan skop penghujahan beliau dalam permasalahan rokok dan merokok.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penentuan mazhab di NBD itu adalah berdasarkan ketetapan undang-undang dan faktor sosio-historis iaitu masyarakatnya yang sudah biasa beramal dengan fiqh mazhab Syafi'i. Begitu juga halnya dalam berfatwa. Akta MUI 1984 menetapkan agar fatwa diputuskan menurut pendapat-pendapat mazhab Syafi'i. Namun kelonggaran diberikan dalam mengguna pakai pendapat mazhab Sunni yang lain sekiranya keputusan yang dibuat bersandarkan pendapat mazhab Syafi'i itu difikirkan akan membebankan masyarakat untuk melaksanakannya dan tidak sesuai dengan kepentingan awam dan semasa.

Oleh yang demikian, kajian ini mendapati pendapat-pendapat mazhab selain Syafi'i yang disertakan dalam teks jawapan fatwa MKB itu bukanlah semata-mata untuk membuat keputusan fatwa. Malahan hanya bermaksud sebagai meluaskan skop penghujahan MKB iaitu bagi menunjukkan persamaan dan perbezaan pendapat dalam kalangan imam-imam mazhab. Ada kalanya penggunaannya itu disebabkan orang yang meminta fatwa memerlukan penjelasan daripada pendapat-pendapat mazhab tertentu yang khusus dan juga ketika MKB mengemukakan irsyad dalam fatwanya sebagai bimbingan hukum bagi pihak yang meminta fatwa.

RUJUKAN

- Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. 1984.* Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.
- al-Ansari, Abi Yahya Zakariyya. t.t. *Hasyiyah al-Shaykh Sulayman al-Jamal 'ala Syarh al-Minhaj*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Asbahi, Malik ibn Anas. 1991. *al-Mudawwanah al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Bakri, Abi Bakar Uthman ibn Muhammad Syata al-Dimyati. 2005. *Hasyiyah I'anah al-Talibin 'ala hil al-Faz Fath al-Mu'in li Syarh Qurrat al-'Ain*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Bujayrimi, Sulaiman ibn Muhammad ibn Umar. 1995. *Bujayrimi 'ala al-Khatib*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Dusuqi, Syams al-Din al-Shaykh Muhammad ibn Ahmad. 1998. *Hasy iyah al-Dusuqi 'Ala al-Syarh al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Haytami, Abi al-Abbas Ahmad ibn Muhammad ibn Ali ibn Hajar. 2001. *Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Imrani, Yahya ibn Abi al-Khair ibn Salim. 2000. *al-Bayan fi Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Bayrut: Dar al-Minhaj.
- al-Kasani, Abi Bakr ibn Mas'ud. 1996. *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Syarai'*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Kasymiri, Muhammad Anwar Syah. 2004. *Ikfar al-Mulhidin fi Dharuriyyat al-Din*. Karachi: Idarat al-Quran wa al-'Ulum Islamiyyah.
- al-Masy'abi, Abd al-Majid Salim ibn Abd Allah. 1997. *Manhaj ibn Taymiyyah fi Masalah al-Takfir*. Riyadh: Maktabah Adwa al-Salaf.
- al-Mawardi, Abi al-Hasan Ali ibn Muhammad ibn Habib. 1994. *al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya Muhyi al-Din ibn Syarf. 1994. *al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim*. Bayrut: Dar al-Khayr.

- al-Nawawi, Abi Zakariyya Muhyi al-Din ibn Syarf. 2010. *al-Majmu‘ Syarh al-Muhazzab*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Qardhawi, Yusuf. 2003. *Min Hady al-Islam Fatawa Mu‘asirah*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- al-Qurtubi, Abi Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari. 1993. *al-Jami‘ li Ahkam al-Quran*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Ramli, Syams al-Din Muhammad ibn Abi al-Abbas Ahmad ibn Hamzah ibn Shihab al-Din. 2003. *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj fi al-Fiqh ‘ala Mazhab al-Imam al-Syafi‘i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Syafi‘i, Abi Abd Allah Muhammad ibn Idris. 2002. *al-Umm*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Syirazi, Abi Ishaq Ibrahim ibn Ali ibn Yusuf. 1992. *al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi‘i*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- al-Syirwani, Abd al-Hamid; al-‘Ibadi, Ahmad ibn Qasim. 1997. *Hawasyi al-Syirwani wa al-‘Ibadi ‘ala Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Yahsubi, ‘Iyad ibn Musa. 2004. *al-Syifa bi Ta‘rif Huquq al-Mustafa*. Qaherah: Dar al-Turath.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2009. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Haji Sulaiman Haji Duraman. 1995. “Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Suatu tinjauan Umum Mengenai Proses Pembentukannya”, *Jurnal Darussalam*, 2, 142-153.
- Ibn al-Jawzi, Abi al-Farj Abd al-Rahman. 1994. *Talbis Iblis*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Hazm, Abi Muhammad Ali ibn Ahmad ibn Said. t.t. *al-Muhalla bi al-Athar*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qayyim, Syams al-Din Abi Abd Allah Muhammad ibn Abi Bakr. 2002. *Ahkam Ahl al-Zimmah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Rusyd, Abi al-Walid Muhammad ibn Ahmad. 1988. *al-Bayan wa al-Tahsil wa al-Syarh wa al-Tawjih wa al-Ta‘lil fi Masail al-Mustakhrajah*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.

Penggunaan Mazhab selain Syafi'i dalam Fatwa

- Ibn Taymiyyah, Abi al-Abbas Ahmad ibn Abd al-Halim ibn Abd al-Salam. 1998. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah*. Rabat: Maktabah al-Ma'arif.
- Jabatan Mufti Kerajaan. 2004. *Rokok dan Merokok*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. 2006. *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2004*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. 2007. *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2005*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. 2009a. *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2006*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. 2009b. *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2007*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. 2010. *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2008*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. 2012. *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2009*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Awang Juned. 1992. *Islam di Brunei Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman. 2012. *Ikhtisar Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Kesan-Kesannya di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.

Pengiran Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman. 2011. *Islam di Brunei Darussalam Zaman British 1774-1984*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. 1959. Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Pusat Da‘wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama. 1996. *Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Di Majlis-Majlis Keagamaan Dan Titah-Titah Yang Berunsur Keagamaan 1967-1996*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da‘wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tarikuddin bin Haji Hassan. 2009. *Riwayat Hidup 4 Imam Mazhab*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.